



RM107,000 lesap ditipu sindiket menyamar polis

Ipoh: Seorang kontraktor kerugian RM107,000 diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) dan pegawai polis Bukit Aman.

Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri, berkata mangsa berusia 45 tahun itu diperdaya suspek mengenai tunggakan bayaran kad kredit serta pembabitan dalam kes jenayah yang tidak wujud.

Katanya, mangsa yang berada di rumah ibunya menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki bernama Lai yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Bank Negara, jam kira-kira 11 pagi kelmarin.

"Berdasarkan keterangan, suspek yang dikenali sebagai Lai memberitahu mangsa bahawa ada penggunaan kad kredit di atas namanya berjumlah RM11,188.35 bagi pembelian dalam talian.

"Mangsa menafikan perkara itu dan memberitahu tidak pernah menggunakan kad kredit terbabit," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Ahmad Adnan berkata, Lai kemudian menyambung panggilan kepada pihak dikatakan pegawai polis dari Bukit Aman yang memperkenalkan diri sebagai

Than Kok Hwa dari bahagian penggubahan wang haram.

Katanya, mangsa memberikan butiran miliknya dan selepas membuat semakan suspek mendakwa kad kredit itu disalah guna dan pengadu dikehendaki hadir ke mahkamah tinggi Kuala Lumpur.

"Suspek bertanyakan akaun milik mangsa yang kemudian memberitahu dia mempunyai dua akaun sebelum diarah ke mesin pengeluaran wang automatik (ATM) cawangan Gajah untuk memeriksa akaun.

"Mangsa diberitahu bahawa akaun pengadu dilindungi PIDM (Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)," katanya.

Beliau berkata, selesai mengikuti arahan itu, mangsa mendapati wang dalam dua akaunnya berkurangan RM107,996.95.

"Suspek kemudian memberitahu sudah membuat semakan serta membekukan akaun dan memaklumkan akan menghubunginya semula.

"Mangsa yang merasakan dia ditipu membuat laporan polis di Balai Polis Batu Gajah petang semalam (kelmarin)," katanya.

Ahmad Adnan berkata, siasatan lanjut diteruskan oleh pihak Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah.